

**PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS  
NEGERI SABAH**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**HARI SELASA, 23 MEI 2023, PUKUL 10:00 PAGI**

*Bil. 02*

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN**

- \*1. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sabah dalam memastikan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan dapat dibelanjakan dengan sepenuhnya memandangkan peruntukan yang dikembalikan pada tahun 2022 adalah amat besar.
- \*2. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN:-**
- a) adakah kementerian mempunyai peruntukan khas untuk menaik taraf kemudahan sukan seperti padang bola dan dewan; dan
  - b) apakah program pembangunan sukan kepada belia-belia khususnya di bahagian pedalaman.
- \*3. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah bekalan air di Sabah yang semakin teruk dan berleluasa lebih-lebih lagi ketika musim cuaca panas serta kering berpanjangan pada masa kini.
- \*4. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah perancangan kerajaan negeri untuk menambah dan mengekalkan pakar-pakar perubatan yang berkhidmat di Sabah khususnya di daerah Sandakan.
- \*5. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, sejak kebelakangan ini, berapa jumlah pelabur yang melabur di negeri Sabah dan apakah jenis-jenis pelaburan, dimana lokasi dan berapa jumlah wang yang terlibat
- \*6. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berkenaan status peruntukkan daripada kerajaan persekutuan yang bernilai Ringgit Malaysia 50 Juta kepada kerajaan negeri Sabah, apakah pihak kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk mengurus peruntukkan dan perolehan tersebut.

- \*7. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapakah jumlah Rumah SMJ yang telah siap dibina dan di mana kawasan Dewan Undangan Negeri yang diliputi.
- \*8. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah kriteria yang digunapakai untuk menjawat jawatan Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri, Wakil Ketua Anak Negeri, Ketua Masyarakat Cina dan ahli Majlis Daerah/Perbandaran, dan berapa peratus daripada lantikan tersebut adalah wanita.
- \*9. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR:-**
- a) mengapakah kos penerbangan ke Sabah dari mana-mana negeri lain semakin mahal; dan
  - b) adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi insentif kepada syarikat penerbangan bagi mengurangkan kos tiket penerbangan penumpang yang ingin terbang ke Sandakan.
- \*10. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah rancangan kementerian dalam mengatasi masalah kemudahan jalur lebar (rangkaian internet) yang lemah terutama di kawasan kampung yang jauh dari pusat bandar memandangkan kemudahan tersebut amat diperlukan oleh warga pendidik dan murid Sekolah.
- \*11. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah perkembangan terkini POIC di Sandakan.
- \*12. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah usaha sama yang sedang giat dilaksanakan oleh pihak kementerian bersama dengan agensi-agensi dan syarikat-syarikat kerajaan pada ketika ini sebagai usaha menangani kenaikan harga keperluan barangan makanan asas serta memastikan stok keperluan makanan asas sentiasa mencukupi.
- \*13. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah usaha kementerian untuk menaiktaraf padang-padang bola khasnya di kawasan pedalaman.
- \*14. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, bagaimanakah urus niaga RM19.8 bilion di antara Sabah Oil and Gas Development Sdn Bhd (SOGDC) dan Esteel Enterprise Sabah Sdn Bhd mempunyai kaitan dalam

menyelesaikan kadar kemiskinan di Sabah dan berapa banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan untuk rakyat Sabah.

- \*15. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah statistik penyakit kanser di kalangan penduduk di setiap daerah dalam negeri Sabah.
- \*16. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, berapakah senarai projek tebatan banjir kilat yang telah dilaksanakan di Sabah seperti yang dijanjikan oleh kerajaan dan berapakah nilai projek-projek berkenaan.
- \*17. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**
  - a) apakah status terkini pembinaan lebuhraya Pan Borneo di seluruh Sabah (Fasa 1); dan
  - b) apakah status pembinaan lebuhraya Pan Borneo di DUN Sindumin (Pakej WP1 dan WP2).
- \*18. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah peraturan-peraturan atau undang-undang kecil kawal selia terhadap *Airbnb* di kondominium di Sabah.
- \*19. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah program-program yang telah dilaksanakan dalam membantu golongan wanita dalam usaha memperkasa wanita dalam menangani keganasan.
- \*20. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, adakah perancangan kementerian untuk menambah lampu jalan untuk penduduk kawasan luar bandar di Keningau.
- \*21. **YB. Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah usaha pihak kementerian untuk menangani masalah kerosakan jalan raya utama yang menghubungkan daerah-daerah di negeri Sabah.
- \*22. **YB. Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah kerajaan mempunyai langkah intervensi bagi memastikan tambang kapal terbang ke Sabah akan lebih murah.

- \*23. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah langkah kerajaan bagi memastikan proses kelulusan permohonan tanah akan lebih cepat di masa akan datang.
- \*24. **YB. Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, sejauh manakah keberkesanan projek-projek berskala kecil dan besar yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar di negeri Sabah.
- \*25. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah rancangan kerajaan bagi mengatasi masalah tekanan air rendah dan paip bocor yang menyebabkan penduduk tidak menerima bekalan air di Kampung Sebait, Kampung Sungai Daling, Kampung Kuala Gum-Gum, Kampung Dandulit, Kampung Tinusa 2 dan beberapa kampung lagi.
- \*26. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN SABAH**, berapakah jumlah ternakan ruminan yang ada di negeri Sabah dan berapakah jumlah penternak yang aktif menternak ternakan ruminan.
- \*27. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menetapkan kadar tambang khas bagi pelajar untuk pergi dan balik ke Sabah.
- \*28. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah perancangan kementerian untuk menaiktaraf fasiliti pasar umum Keningau.
- \*29. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah tindakan susulan pihak kerajaan untuk merealisasikan cadangan menjadikan Kent College Tuaran sebagai destinasi pelancongan yang telah lama dicadangkan.
- \*30. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR:-**
- a) berapakah unit program Rumah Mesra SMJ yang telah siap dibina sepenuhnya; dan
  - b) melalui 1500 unit yang telah dicadang serta diluluskan oleh kerajaan negeri, berapakah unit yang akan diagihkan kepada setiap kawasan DUN.
- \*31. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bagaimanakah cara kerajaan menyelesaikan masalah gangguan bekalan elektrik yang sering berlaku di negeri Sabah termasuk kawasan DUN Bongawan serta apakah rancangan jangka masa pendek dan panjang bagi mengelakkan masalah tersebut berlarutan.

- \*32. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN:-**
- a) adakah kerajaan Sabah masih menuntut royalti petroleum sebanyak 20 peratus daripada kerajaan pusat; dan
  - b) sejauh manakah kejayaan kerajaan dalam menuntut hak melalui Perjanjian Malaysia 1963 setakat ini.
- \*33. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, sejauh mana pendekatan kerajaan dalam menuntaskan isu air di Sekong terutamanya di kawasan setinggian.
- \*34. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah langkah diambil bagi menyelesaikan masalah parkir dan jambatan konkrit yang roboh di Kampung Tinusa 2 Sandakan.
- \*35. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kementerian akan mencadangkan kepada Kementerian Kerja Raya Malaysia supaya projek di bawah Pan Borneo (WP15A) dihidupkan semula untuk kepentingan penduduk Tawau.
- \*36. **YB. Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) apakah status pengambilalihan pengurusan pentadbiran dan program Felcra Pulau Banggi oleh kerajaan negeri atau kementerian lain ketika ini; dan
  - b) apakah perancangan awal program pembangunan ekonomi berkaitan yang dijangka akan dilaksanakan kelak berikutan pengambilalihan pengurusan pentadbiran dan program Felcra Pulau Banggi tersebut.
- \*37. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, berapakah jumlah kutipan hasil yang telah dikutip oleh Jabatan Perikanan Sabah pada Tahun 2022.
- \*38. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN:-**
- a) bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022, berapa peratuskah peruntukkan bajet Pembangunan Sabah yang diluluskan oleh Persekutuan dan telah dibelanjakan; dan
  - b) apakah status wang yang tidak dibelanjakan bagi peruntukan bajet tersebut.

- \*39. **YB. Puan Rina Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah perkembangan terkini terhadap perancangan muzium Tawau yang terletak di kawasan DUN Kukusan (Airport Lama).
- \*40. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, bilakah kerajaan akan mengeluarkan peruntukan kecemasan bagi memperbaiki dan menaiktaraf jalan-jalan di kawasan perkampungan yang terdapat di Sandakan.
- \*41. **YB. Puan Norazilanah binti Arif [Kunak]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) apakah status penyelenggaraan Jalan Tingkayu yang sedang berjalan pada masa ini; dan
  - b) berapakah jarak kilometer jalan yang terlibat dalam penyelenggaraan tersebut.
- \*42. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah pendapatan setiap tahun yang telah diperolehi oleh kerajaan negeri daripada Petronas sejak petronas beroperasi di Wilayah Sabah dan *continental shelf Sabah*.
- \*43. **YB. Tuan sin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perkembangan cadangan projek Jalan bypass Libaran dari Batu 16 ke Batu 32 yang telah tertangguh selama 5 tahun dan telahpun diluluskan pada RP 3 Rancangan Malaysia ke 10 (2011-2015).
- \*44. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan untuk menangani kenaikan kos sara hidup yang telah melonjak lebih 30% berbanding 3 tahun yang lalu.
- \*45. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III/ MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan bagi mengatasi masalah kerosakan jalan raya di Sabah yang semakin teruk dan bukan sahaja membebankan pengguna jalan raya tetapi boleh menyebabkan pelabur tidak berminat untuk beroperasi di Sabah.
- \*46. **YB. Puan Norazilanah binti Arif [Kunak]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah ada pertimbangan dari pihak kerajaan untuk menggantikan tanah milik LPPB yang telah diduduki oleh sejumlah penduduk di Kg Kunak Jaya dan Kg Bagiang sejak puluhan tahun sebelum ini.

- \*47. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, mohon jelaskan dengan terperinci adakah kerajaan Sabah akan mengusulkan perlantikan “Arbitrator” dan / atau Penilai Bebas bagi menyelesaikan isu formula 40% yang termaktub dalam Seksyen 2(1), Bahagian IV, Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan.
- \*48. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi suntikan dana kepada agensi-agensi atau syarikat-syarikat kerajaan seperti LKTNS untuk melaksanakan program-program pembangunan luar bandar khususnya untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur.
- \*49. **YB. Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan persekutuan untuk rakyat di negeri Sabah setakat 3 tahun lalu dan terkini.
- \*50. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apa langkah kerajaan negeri untuk menuntut pindaan Fasal 95C bagi tujuan penyelarasan aspirasi Perjanjian Malaysia 1963.
- \*51. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah benar syarikat yang mendapat lesen melakukan penerokaan mineral di Telupid dan Tongod adalah sebuah syarikat berasal dari Singapura dan apakah latar belakang syarikat ini berdasarkan bukan sahaja kemampuan kewangan tetapi pengalaman dan “*track record*” dalam bidang penerokaan mineral.
- \*52. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah kerajaan akan membekalkan air bersih ke Kampung Bambang.
- \*53. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah penyelesaian jangka masa pendek dan panjang berkaitan isu bekalan air di setiap daerah khususnya di Kapayan, di mana banyak aduan berkenaan catuan air, tekanan air rendah, terputus bekalan air dan paip pecah telah diterima.
- \*54. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan kerajaan dalam menyelesaikan isu jalan raya berlubang dan mengalami kerosakan teruk sepanjang Jalan Labuk dari Batu 7 sehingga Batu 32 Check Point.
- \*55. **YB. Tuan Hj. Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**

- a) apakah status terkini serta jumlah peruntukan belanjawan operasi yang diberikan kepada Jabatan Air Semporna; dan
- b) apakah penyelesaian kepada masalah bekalan air di Semporna khususnya di Kg Simunul, Kg Sg. Tuhok, Kg, Tanjung Kapor, Kg. Sakong Besar.
- \*56. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah perancangan kementerian untuk mewujudkan terminal sentral di bahagian pedalaman atas khususnya di daerah Keningau.
- \*57. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah jumlah hasil keluaran petroleum yang telah dikutip oleh kerajaan negeri sejak pindaan Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2018 diluluskan pada April tahun 2020.
- \*58. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status penubuhan UTC di Menara Majlis Perbandaran Sandakan yang telah dicadang dan diluluskan sebelum ini.
- \*59. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah cara bagi mendapatkan taraf kewarganegaraan anak yang berhadapan dengan masalah daftar lewat sehingga mengganggu mereka untuk melanjutkan pelajaran.
- \*60. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, bagaimana kerajaan memantau lambakan kontraktor tanpa kepakaran di negeri ini.
- \*61. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apa penyelesaian berhubung isu pemilikan geran rumah LPPB seperti di Taman Rajawali yang masih belum dipecahkan sehingga menyebabkan pemilik rumah tidak dapat membuat tuntutan selepas berlaku kebakaran rumah.
- \*62. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah yang boleh diambil pihak kementerian berkenaan cadangan melebarkan bahu-bahu jalan di kawasan Dun Tempasuk terutama sekali di kawasan Sekolah seperti Sekolah Kebangsaan Tempasuk, Sekolah Kebangsaan Taun Gusi, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taun Gusi I untuk memastikan keselamatan pejalan kaki terutama sekali pelajar sekolah.
- \*63. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perancangan kementerian bagi



menambahbaik sistem penyampaian penyata pembayaran air (bil air) agar isu keciciran penyata kepada pelanggan tidak berlaku.

\*64. **YB. Tuan Mokran bin Inggat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**

- a) apakah status semasa bekalan air di empangan-empangan atau pun takungan air di seluruh Sabah; dan
- b) apakah tindakan dan perancangan segera kerajaan untuk menangani masalah kekurangan bekalan air bersih yang kini berlaku hampir di seluruh daerah di Sabah.

\*65. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah lampu jalan yang tidak berfungsi di kawasan Gum-Gum dan sepanjang jalan dari Gum-Gum ke Batu 8 akan dibaiki.

\* Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.